

The image features three large, dark wooden crosses standing on a grassy hill. The background is a dramatic sunset sky with warm orange and yellow tones, and the sun is visible behind the central cross, creating a bright glow. The foreground is filled with dark, leafy plants.

AWAKENED BY
THE KING OF KINGS

DIBANGUNKAN OLEH
RAJA SEGALA RAJA
因万王之王而苏醒

St. Patrick's Church

Mesej Rektor

KUBUR YANG KOSONG

"Akan tetapi malaikat itu berkata kepada perempuan-perempuan itu: "Janganlah kamu takut; sebab aku tahu kamu mencari Yesus yang disalibkan itu. Ia tidak ada di sini, sebab ia telah bangkit, sama seperti yang telah dikatakan-Nya. Mari, lihatlah tempat ia berbaring." (Matius 28:5-6)

Hari Paskah adalah perayaan kebangkitan Kristus – peristiwa yang sangat penting yang terletak di dalam hati dan asas iman Kristian kita. Ia adalah kemenangan atas dosa dan kematian, menawarkan atau memberikan kita kehidupan baru yang diperbaharui oleh kasih Allah dan anugerah yang terdapat di dalam Yesus Kristus.

Wanita-wanita yang mendekati kubur sangat risau kerana batu yang menutupi kubur menjadi penghalang mereka. Mereka diingatkan tentang penggenapan yang berkuasa daripada kata-kata Yesus ketika malaikat itu menyatakan, *"Ia tidak ada di sini, sebab ia telah bangkit, sama seperti yang telah dikatakan-Nya."* Ini bukan sahaja kebenaran yang sangat penting, tetapi juga kata-kata kemenangan, jaminan dan juga pengharapan.

Mukjizat ini mendorong kita untuk mengetepikan ketakutan dan ketidakpastian dan meletakkan kepercayaan kita di dalam kemenangan Kristus. Kubur yang kosong bukan sahaja sebagai bukti apa yang telah berlaku, tetapi juga sebagai janji untuk masa depan kita – harapan yang baru, permulaan yang baru, dan keyakinan bahawa kasih Allah akan selalu mengalahkan kejahatan.

Marilah kita mengingati pesan malaikat itu: "Jangan takut." Ketika kita merayakan Paskah, kiranya sukacita dan damai Allah memenuhi hati kita serta mengubah hidup kita. Marilah kita membagikan kabar baik ini dan hidup dalam terang kasih karunia Kristus. Amin.

TAHNAH

Tahniah diucapkan kepada Pengetua
SMK St.Patrick :

Mr. Lee Ken Vun

yang telah dianugerahkan dengan
anugerah **Ahli Setia Darjah Kinabalu
(ASDK)** untuk perkhidmatan beliau
yang cemerlang kepada masyarakat
dan Negeri Sabah.

MENARA DOA

Setiap hari Isnin
7:30 Malam | PJA

KELAS PENETAPAN

Setiap hari Rabu
7:30 Malam | PJA

LATIHAN PEMIMPIN SEL BELIA, MUDA-MUDI DAN KANAK-KANAK

07, 14 dan 21 April (Setiap Selasa)
7:30 Malam | PJA

Setiap peserta diwajibkan untuk
membeli Buku Latihan Pemimpin.

Harga Buku Latihan Pemimpin :

- Belia & Muda-mudi: RM8
- Kanak-kanak: RM4



Muat turun E-Buletin melalui
laman web :
<https://www.hoprayer.org.my>

SUKANEKA KELUARGA PJA

01 Mei 2026 (Jumaat)
7:00 Pagi
Padang SMK Kinabutan

*Sila daftarkan diri anda melalui
Kelompok Sel masing-masing.*

**Tarikh Tutup Pendaftaran :
20 April (Isnin)**

PEMBERIAN PERSEMAHAN



Persepuluhan



Persembahan

PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

Cek: St. Patrick's Church, Tawau

BAHAN DOA

Berdoa untuk rangkaian "Gereja
Rumah" di Iran :

1. Perlindungan terhadap orang
percaya daripada ekstremis agama.
2. Berdoa agar mesej kebangkitan
Yesus pada hari Paskah ini akan
memberikan impak dengan cara
yang tidak terhentikan oleh apapun
juga.

DIBANGUNKAN OLEH RAJA SEGALA RAJA

LUKAS 24: 1-10

1. Minggu Palma : Raja Yang Rendah Hati

Zakharia 9:9 "Bersorak-soraklah dengan nyaring, hai puteri Sion, bersorak-sorailah, hai puteri Yerusalem! Lihat, rajamu datang kepadamu; ia adil dan jaya. Ia lemah lembut dan mengendarai seekor keledai, seekor keledai beban yang muda."

2. Isnin : Raja Yang Benar Dan Suci

Lukas 19:46 "Ada tertulis: Rumah-Ku adalah rumah doa. Tetapi kamu menjadikannya sarang Penyamun."

3. Selasa : Raja Yang Mengajar

4. Rabu : Raja Yang Senyap

5. Khamis Putih : Raja Yang Melayani

Yohanes 13:1b "...Sama seperti Ia senantiasa mengasihi murid-murid-Nya demikianlah sekarang Ia mengasihi mereka sampai kepada kesudahannya."

6. Jumaat Agung : Raja Yang Mengampuni

Lukas 23:34 "Ya Bapa, ampunilah mereka."

7. Sabtu : Raja Yang Menanti

8. Ahad : Raja Yang Bangkit

Matius 28:5-6 "Akan tetapi malaikat itu berkata kepada perempuan-perempuan itu: "Janganlah kamu takut; sebab aku tahu kamu mencari Yesus yang disalibkan itu. Ia tidak ada di sini, sebab Ia telah bangkit, sama seperti yang telah dikatakan-Nya. Mari, lihatlah tempat Ia berbaring."